

## DBKL LARANG JUAL MINUMAN KERAS DI KEDAI RUNCIT

# *Pembekuan lesen baharu masih berkuat kuasa*

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak memansuhkan pembekuan penge- luaran lesen baharu bagi penjualan minuman keras di kedai runcit, serbaneka dan kedai ubat Cina.

DBKL pada kenyataan semalam berkata, Lem- baga Pelesenan Eksais Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) yang baharu dilantik su- dah menjalankan fungsi sedia ada dan hanya mempertimbangkan permohonan pembaharuan lesen.

"Pernyataan bahawa Lembaga Pelesenan Eksais yang bersidang pada 23 November lalu sudah menarik balik larangan penjualan minuman keras di kedai runcit, serbaneka dan ubat Cina adalah tidak benar.

"Pertimbangan terhadap penjualan minuman keras di ketiga-tiga premis berkenaan masih ter- takluk kepada garis panduan yang sudah ditetap- kan.

"Lembaga yang bersidang pada 23 November itu, hanya meluluskan 1,519 permohonan pem- baharuan lesen borong,

rumah awam dan runcit. Tiada lesen runcit baharu yang diluluskan," kata- nya.

DBKL adalah urus setia kepada Lembaga Pelese- nan Eksais WPKL dalam memproses permohonan Lesen Minuman Keras di Kuala Lumpur selaras de- ngan perwakilan kuasa di bawah Peraturan 18 Pe- raturan-Peraturan Eksais (Lembaga Pelesen) 1977.

Terdahulu, tular di me- dia sosial menyatakan ah- li jawatankuasa yang ba- haru dilantik Lembaga Pelesenan Eksais di ba- wah DBKL dilaporkan menarik balik larangan penjualan minuman ke- ras di kedai runcit, ser- baneka dan ubat Cina.

**"Lembaga yang bersidang pada 23 November itu, hanya meluluskan 1,519 permohonan pembaharuan lesen borong, rumah awam dan runcit"**